

BERITA ONLINE
UTUSAN MALAYSIA
TARIKH: 14 JUN 2022 (SELASA)



Pembeli RMMJ kecewa rumah belum boleh didiami



Adham Baba ketika lawatan ke RMMJ Taman Kota Jaya 2 bagi mendengar rintihan pembeli yang kecewa dengan penangguhan kemasukan ke rumah berkenaan yang didakwa telah ditunda beberapa kali.

Ads by Kiosked

KOTA TINGGI: Pembeli rumah mampu milik Johor (RMMJ) Taman Kota Jaya 2 di sini kecewa apabila kemasukan ke rumah berkenaan didakwa sudah ditangguh beberapa kali.

Seorang pembeli, Youis Yap, 36 berkata, mereka telah menandatangani perjanjian jual beli rumah pada pertengahan 2019 dan pemaju memaklumkan rumah tersebut dijangka siap dalam tempoh dua tahun dari tarikh tersebut.

Bagaimanapun, menurut beliau, akibat pandemik Covid-19 kemasukan ke rumah di kawasan tersebut ditangguhkan pada Disember 2021.

“Tiba tarikh Disember tahun lalu, pemaju tangguhkan lagi kepada Mac lalu, kemudian ditunda kepada Jun dan kini dengar pada Ogos pula,” kata Youis ketika ditemui selepas Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Seri Dr Adham Baba melawat projek perumahan berkenaan untuk mendengar rintihan pembeli.

Menurut beliau, penangguhan tersebut menyukarkan pembeli yang perlu menanggung hutang bank dan dalam masa sama membayar sewa rumah.

“Kebanyakan kami mula membayar bank sejak tahun 2019 namun sehingga kini tiada jawapan pasti bila kami boleh berpindah masuk ke rumah kami,” katanya.

Sementara itu, Adham berkata, beliau menerima aduan daripada pembeli yang terkesan kerana masih tidak boleh mendiami rumah dibeli walaupun ansurans bulanan terpaksa dibayar kepada bank.

“Saya mohon budi bicara Majlis Daerah dan Ahli Majlis yang berkaitan untuk mengambil tindakan segera. Saya juga akan memanjangkan perkara ini kepada Menteri Besar dan juga exco kerajaan negeri Johor bagi menangani masalah ini,” katanya.- UTUSAN